



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA (DR) HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT NEGERI MELAKA
TAHUN 2021
TARIKH: 11 DISEMBER 2021 (SABTU), MASA:10.00 PAGI
BERTEMPAT DI HOTEL LA CRISTA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Allahumma Solli A'la Muhammad, Waa'ala Ali
Muhammad.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera. Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Berhormat Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin,
Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pendidikan dan
Teknologi Negeri Melaka;

Yang Berusaha Dr. Mohd Azam bin Ahmad,
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Melaka,

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Pendidikan Negeri
Melaka dan Pejabat Pendidikan Daerah;

Wakil-wakil penyumbang daripada pihak bank;

Penerima Tokoh Guru;

Para Pengetua dan Guru Besar Sekolah-sekolah Negeri Melaka, Guru-guru;

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin maya yang dihormati sekalian,

1. Pertama-tamanya, Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita semua diberikan kesempatan menjalin silaturahim dan menyulam ukhuwah bagi meraikan Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021.

2. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan terima kasih kepada pihak pengelola atas kesudian mengundang saya untuk merasmikan Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021 ini, khususnya untuk mengiktiraf jasa, pengorbanan dan sumbangan semua guru di Negeri Melaka.

3. Kesempatan yang saya kecapai hari ini amat saya syukuri kerana Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka bagi Tahun 2020 yang lalu hanya dilaksanakan secara dalam talian sahaja. Peristiwa

tersebut masih segar dalam ingatan saya, apabila saya hanya berkesempatan berbual mesra dalam waktu yang terhad dengan dua orang Tokoh Guru Negeri Melaka Tahun 2020 dan menyampaikan Anugerah Tokoh Guru Negeri Melaka di pejabat saya sahaja.

4. Majlis penganugerahan tersebut memang tidaklah semeriah pada hari ini yang dilaksanakan secara bersemuka tetapi peristiwa tersebut dan peristiwa hari ini memberikan kesan terhadap diri saya. Saya insaf bahawa berdirinya saya pada hari ini, ia adalah berkat jasa seorang guru. Pujangga pernah menukilkan kata-kata, iaitu:

**Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta,
Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa,
Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara,
Jika hari ini seorang ulama yang mulia,
Jika hari ini seorang peguam menang bicara,
Jika hari ini seorang penulis terkemuka,
Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa;
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa.**

5. Demikianlah dekatnya diri seorang guru kepada saya dan juga kepada sesiapa sahaja. Lantaran itu, kehadiran saya dalam Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021 ini adalah

penzahiran penghormatan saya terhadap guru-guru dan profesion keguruan itu sendiri.

6. Justeru hanya ungkapan kata **“Terima Kasih Cikgu”** dapat saya ucapkan untuk menyatakan penghargaan saya terhadap segala jasa dan sumbangan guru dalam mendidik saya dan anak bangsa tercinta sejak **dulu, kini dan selamanya.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya dihormati sekalian,

7. Hari ini, kita masih lagi diduga dengan pandemik COVID-19. Tiada seorang pun antara kita yang pernah melalui pengalaman berhadapan dengan

pandemik COVID-19 ini. Pandemi ini telah memberikan kesan terhadap kehidupan kita sama ada dari aspek ekonomi, sosial dan agama.

8. Sekolah-sekolah yang menjadi tempat untuk anak-anak kita menuntut ilmu bukan sahaja untuk akademiknya, tetapi untuk meningkatkan kemahiran diri, belajar hidup bermasyarakat, membina perwatakan dan nilai diri, telah terpaksa melalui beberapa siri penutupan.

9. Sepanjang penutupan tersebut, proses pembelajaran anak-anak tidak boleh terhenti. Terhentinya proses pembelajaran anak-anak bermakna kita bukan sahaja menggelapkan masa hadapan mereka tetapi kita turut menjejaskan masa hadapan negeri dan negara tercinta ini.

10. Justeru, atas kesedaran ini, proses pembelajaran mesti diteruskan dengan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah atau PdPR. Saya lihat, pelbagai cara telah guru-guru laksanakan seperti pembekalan modul latihan serta pembelajaran secara dalam talian. Proses ini sememangnya dilihat

telah mencabar kreativiti dan daya inovatif para guru untuk mendidik murid-murid.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

11. Proses pembelajaran tersebut yang menjadi norma baharu bukan sesuatu yang mudah. Ia mempunyai banyak cabaran seperti kekangan dari aspek kewangan ibu bapa, kelengkapan peranti dan capaian internet. Kemudian, apabila sekolah telah dibuka secara bersemuka, anak-anak dan guru-guru pula perlu melalui Prosedur Operasi Standard (SOP)

seperti memakai pelitup muka, mencuci tangan dengan cecair pembasmi kuman dan sebagainya.

12. Namun begitu, walau adanya pelbagai kepayahan dan cabaran, guru-guru tetap meneruskan tanggungjawab dan amanah yang ada. Bayangkanlah, sekiranya proses pembelajaran untuk anak-anak ini terhenti, bermakna kemajuan bangsa dan negara pada masa hadapan juga turut terganggu sama.

13. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri Melaka sentiasa memahami perasaan dan denyut nadi sama ada ibu bapa, guru-guru dan murid-murid terhadap cabaran yang ada ini. Dalam Bajet 2021 Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Melaka telah meluluskan **RM 2 juta ringgit** untuk pembelian cecair pembasmi kuman dan pelitup muka untuk diberikan kepada murid-murid.

14. Di samping itu, Kerajaan juga telah menyediakan bantuan peranti dan data internet kepada murid-murid yang kurang berkemampuan selain telah berusaha meningkatkan capaian internet kepada

capaian internet 5G. Pelbagai bantuan telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi menyokong ekonomi ibu bapa dan masyarakat agar mereka dapat mendepani cabaran pandemik COVID-19 dan memastikan anak-anak mereka dapat meneruskan pembelajaran seperti biasa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Semua bantuan oleh kerajaan ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung merupakan sokongan terhadap sektor pendidikan. Kerajaan mahukan proses pendidikan terus berjalan untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada anak-anak,

di samping membina kemahiran dan membentuk nilai sahsiah diri mereka. Anak-anak ini adalah aset untuk kita sandarkan harapan agama, bangsa dan negara pada masa hadapan.

16. Oleh itu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua guru, khususnya guru-guru di Negeri Melaka yang sentiasa komited terhadap tanggungjawab dan amanah mendidik anak bangsa.

17. Selari dengan penghargaan ini, Kerajaan Negeri Melaka melalui Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) berhasrat untuk menjadikan Negeri Melaka tercinta ini sebagai sebuah negeri lestari yang terus maju dan makmur menjelang tahun 2035 sebagai hab pendidikan dalam Flagship ketujuh.

18. Antara cabaran terhadap gagasan besar ini adalah untuk menghapuskan kemiskinan dalam semua bentuk dan tempat. Saya sedar, di samping sokongan Kerajaan dalam merangsang ekonomi masyarakat, ia dapat membantu menangani isu kemiskinan, namun pendidikan untuk anak bangsa

juga mempunyai peranan dalam menghapuskan isu kemiskinan ini.

19. Hal ini kerana, setiap inisiatif dalam membawa Negeri Melaka tercinta ini untuk terus maju, ia mesti dapat disambut oleh generasi yang berkualiti dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan mempunyai nilai sahsiah yang tinggi.
20. Justeru, pendidikan anak bangsa amat signifikan dan asas dalam menjadikan Melaka sebuah negeri lestari. Pendidikan bukan sahaja mampu menjadi alat yang berkesan dalam membantu untuk

mengeluarkan anak-anak kita daripada lingkaran kemiskinan, tetapi anak-anak ini nanti mampu meneruskan perjuangan menjadikan Melaka sebuah negeri yang terus maju dan lestari pada masa hadapan. Saya mahukan usaha ini mesti kita bersama-sama fahami dan laksanakan pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, guru-guru yang saya hormati sekalian,

21. Gagasan besar Kerajaan Negeri Melaka yang saya bentangkan secara ringkas dalam sambutan Hari Guru Negeri Melaka ini menjelaskan bahawa guru-guru sekalian mempunyai peranan besar terhadap

hasrat untuk menjadikan Melaka sebuah negeri lestari dan terus maju menjelang tahun 2035.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

22. Tema Hari Guru, iaitu “**Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu**” membawa natijah besar kepada saya dan tuan-tuan dalam mencetus **anjakan minda** dan **anjakan sikap**. Marilah “**seludang kita jadikan nyiru, alam terbentang kita jadikan guru**”.
23. Kita belajar makna sebuah permuafakatan dan perpaduan, kita belajar maksud kemajuan dan kita

belajar erti kemakmuran, kelak nanti kita bersama-sama dapat membina generasi baharu, iaitu rakyat Melaka yang progresif dengan ilmu dan kemahiran, hidup bermuafakat dan bersahsiah tinggi. Insya-Allah Melaka tercinta ini terus sejahtera selama mana adanya bintang dan matahari.

24. Justeru, saya menyeru guru-guru sama ada yang ada dalam dewan dan dalam talian untuk kita bersama-sama bekerja dengan lebih gigih untuk gagasan Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia. Oleh itu, saya menyeru kepada diri saya dan guru-guru serta seluruh rakyat Melaka agar **“bukit sama kita daki, lurah sama kita turuni”**. Kita

hindari perpecahan dan kita jauhi perbalahan kerana semua itu menjadi **“duri dalam daging”** untuk kita menempa kemajuan dan kejayaan.

Guru-guru yang saya raikan pada hari bersejarah ini,

25. Pada kesempatan ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga pendidikan Negeri Melaka atas kesudian mengundang saya dalam Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021. Ikhlas dari hati kecil, saya ucapkan **“Selamat Hari Guru”** kepada semua yang bergelar guru. Insya-Allah, saya

dan Kerajaan Negeri Melaka akan sentiasa bersama-sama dengan guru-guru dalam usaha memastikan anak-anak kita menjadi insan terdidik.

26. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada penerima anugerah dalam Sambutan Hari Guru pada kali ini, dan teristimewanya kepada penerima Anugerah Tokoh Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021. Saya amat menghargai kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh guru-guru dalam menjadikan pendidikan Negeri Melaka mencapai taraf pendidikan berkualiti. Semoga sumbang bakti guru-guru terhadap pendidikan akan membantu Melaka menjadi hab pendidikan sama

ada di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa.

27. Dengan lafaz kalimah suci **“Bismillahirrahmanirrahim”**, saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh.